

RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

NO. RAYUAN TRK (J) 3-2010

FAKTA KES

1. Perayu adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang ditubuhkan pada 23 Disember 2009. Perayu merupakan syarikat *trading* yang mengimport dagangan kimia untuk pasaran tempatan. Di antara dagangan yang diimport ialah *Calcium Stearates*, *Magnesium Stearates* dan *Zinc Stearates*. Dagangan tersebut diimport dalam bungkusan 15 kilogram dan 20 kilogram bagi setiap beg. Dagangan ini untuk kegunaan *anti sticking* dalam industri plastik, farmaseutikal, *rubber processing*, industri makanan dan sebagai *mould released agent*.
2. Semasa pengimportan ketiga-tiga dagangan tersebut, Perayu telah menggunakan kod tarif 2915. 90 900 (*nil* cukai jualan). Walau bagaimanapun semasa import, kod tarif tersebut telah dipinda oleh pegawai penaksir cawangan import Tanjung Puteri, Johor Bharu kepada kod tarif 3824. 90 900 (bercukai jualan 10%). Perayu tidak bersetuju dengan kod tarif tersebut dan telah membayar cukai dengan bantahan bagi membolehkan dagangannya diimport. Berbangkit dari bayaran secara bantahan tersebut, Ketua Pengarah Kastam telah membuat keputusan bertarikh 8 September 2009 bagi dagangan *Calcium Stearates* dan *Magnesium Stearates* dipenjeniskan di bawah kod tarif 3824. 90 900 (bercukai jualan 10%). Perayu tidak puas hati dengan keputusan Ketua Pengarah Kastam dan telah memfailkan rayuan ke Tribunal Rayuan Kastam pada 8 Julai 2010.

ISU

1. Pemfailan rayuan Perayu ke Tribunal Rayuan Kastam telah melebihi tempoh 30 hari yang ditetapkan di bawah seksyen 143, Akta Kastam 1967. Sama ada permohonan lanjutan masa untuk pemfailan boleh dibenarkan.
2. Sama ada dagangan *Calcium Stearates*, *Magnesium Stearates* dan *Zinc Stearates* sesuai dipenjeniskan di bawah kod tarif 2915. 90 900 (*nil* cukai jualan) atau kod tarif 3824. 90 900 (dikenakan cukai jualan 10%).

(Perayu dan Responden telah mengadakan perundingan penyelesaian sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 141P Akta Kastam 1967 tetapi gagal. Pendengaran rayuan telah diadakan)

KEPUTUSAN

1. Permohonan perlanjutan masa dibenarkan di atas alasan rayuan Perayu kepada Pengarah Kastam Johor untuk semakan keputusan penjenisan Ketua Pengarah Kastam tidak mendapat sebarang jawapan. Tribunal juga mengambil kira Perayu tidak mengetahui peraturan membuat rayuan dalam masa 30 hari dari tarikh menerima keputusan bertulis Ketua Pengarah Kastam.
2. Merujuk kepada isu kedua, Tribunal memutuskan bahawa atasimbangan kebarangkalian terdapat bukti bahawa dagangan *Calcium Stearates*, *Magnesium Stearates* dan *Zinc Stearates* bukan merupakan bahan tulen (*pure*) yang sesuai dijeniskan di bawah kod tarif 2915. 90 900.
3. Keputusan Ketua Pengarah Kastam disahkan. Rayuan ditolak.

22 Oktober 2010